

| | |
|---|--|
|  <p>UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU</p> | <p>BORANG LAPORAN KEMALANGAN/KEJADIAN MERBAHAYA/KERACUNAN/PENYAKIT PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA</p> <p>UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU</p> |
|---|--|

Kepada:

Ketua Makmal,
Urusetia JKKP Induk UMT
d/a Bangunan Kompleks Makmal, Makmal Berpusat
UMT

A. MAKLUMAT PELAPOR

Nama : _____ No. K/P : _____
 _____ No. Telefon : _____
 PTJ : _____

B. MAKLUMAT KEJADIAN

Jenis Kejadian/Insiden:

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Kebakaran | <input type="checkbox"/> Jangkitan Patogen/ Keracunan/ Penyakit Pekerjaan |
| <input type="checkbox"/> Letupan | <input type="checkbox"/> Elektrikal & Mekanikal |
| <input type="checkbox"/> Bahan Kimia | <input type="checkbox"/> Infrastruktur (Contoh: Runtuhan bumbung, terperangkap di dalam lift dll) |
| <input type="checkbox"/> Radioaktif/ Sinaran Mengion | <input type="checkbox"/> Lain-lain (Sila nyatakan): |

Nama Mangsa : _____ No K/P/Matrik : _____
 (Jika terbabit) _____ Mangsa _____
 Tempat Kejadian : _____ Tarikh dan : _____
 _____ Masa Kejadian _____
 Saksi Kejadian : _____ No. Telefon : _____
 (Jika ada) _____
 Keterangan ringkas : _____

Kesan Insiden : Kematian Kecederaan anggota/Kemudaratan Kerosakan harta benda

Bahagian anggota badan tercedera/cacat/sakit: _____ Bil. hari cuti sakit: _____

Jenis kerosakan harta benda/kos (Jika ada): _____ Anggaran kos: _____

C. LANGKAH KAWALAN SEBELUM KEJADIAN

Tandakan / jika ada atau X jika tiada

- i. Arahan keselamatan (*SOP, safety signage, safety briefing, special procedure etc*) ada disedia/diberikan kepada mangsa sebelum kejadian
- ii. Latihan berkaitan ada diberikan kepada mangsa
- iii. Penyeliaan untuk aktiviti tersebut adalah diwajibkan
- iv. Proses penaksiran risiko pernah dilaksanakan terhadap sumber hazard
- v. Peralatan perlindungan diri sesuai ada dibekalkan kepada mangsa
- vi. Tiada semua di atas

D. PERAKUAN JKPP PTJ

Dengan ini saya akui laporan di atas adalah benar.

Tarikh : _____

Tandatangan & Cop *(jika ada)*
Pelapor /Pengerusi/ Setiausaha JKPP PTJ

E. PENGESAHAN & TINDAKAN JKPP INDUK UMT

Ulasan & Syor Pegawai Keselamatan
dan Kesihatan (SHO) :

Tarikh : _____

Tandatangan SHO UMT

Dengan ini saya akui laporan di atas adalah benar dan satu penyiasatan **perlu/tidak perlu*** dijalankan oleh JK Penyiasat Kemalangan KKP UMT (*potong yang mana tidak berkenaan)

Tarikh : _____

Tandatangan dan cop
Pengerusi JKPP Induk
UMT

GARIS PANDUAN

KEWAJIPAN MELAPORKAN KEMALANGAN, KEJADIAN MERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN, DAN PENYAKIT PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. Pendahuluan

- 1.1 Mesyuarat JKKP Induk UMT pada 13 Januari 2015 bersetuju untuk mewajibkan setiap PTJ membuat laporan Kemalangan, Kejadian Merbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan yang berlaku di PTJ masing-masing.
- 1.2 Garis panduan ini akan menerangkan tentang skop, tujuan pelaporan, kaedah pelaporan, keperluan perundangan, siasatan kemalangan, tindakan pencegahan, kaedah penyiasatan dan lain-lain berkaitan.

2. Skop

- 2.1 Staf UMT hendaklah melaporkan kejadian yang berlaku di tempat kerja UMT meliputi kampus, asrama, stesyen penyelidikan dan mana-mana tempat kerja lain yang diuruskan oleh UMT.
- 2.2 Mangsa yang terlibat meliputi staf UMT, pelajar UMT, kontraktor dilantik UMT dan pelawat yang berurusan dengan UMT. Akibat kejadian adalah meliputi kecederaan, kesakitan, kematian kepada mangsa atau kerosakan kepada harta benda UMT.

3. Definisi

- 3.1 'Kemalangan' merupakan kejadian yang tidak diingini berlaku serta telah mengakibatkan kecederaan, kematian, penyakit atau kerosakan kepada harta benda.
- 3.2 'Kemalangan Di Tempat Kerja' ertinya kemalangan dalam kampus UMT yang berpunca dan terbit daripada pekerjaan yang dilakukan oleh warga UMT (staf UMT, pelajar UMT, kontraktor dilantik UMT).

Contoh : Pembantu makmal tercedera semasa mengendalikan mesin pemotong di makmal, tumpahan bahan kimia di atas pelajar semasa amali, rak simpan fail terbalik di atas pekerja semasa mencari fail, syiling bilik kuliah runtuh.

- 3.3 'Kejadian Merbahaya atau Insiden' ertinya urutan peristiwa yang tidak dijangka dan dirancang yang berlaku serta mungkin boleh menyebabkan kematian, kecederaan, penyakit dan kerosakan harta.
- 3.4 'Penyakit Pekerjaan' bermaksud penyakit yang berbangkit atau berkaitan dengan kerja yang dilakukan atau diarahkan.
- 3.5 'Keracunan Pekerjaan' bermaksud keracunan/implikasi yang berbangkit atau berkaitan dengan kerja yang dilakukan atau diarahkan.

3.6 'Hazard' bermaksud apa-apa yang berpotensi memudaratkan pekerja samada dari segi keselamatan atau kesihatan. Hazard boleh dibahagikan kepada kimia, fizikal, biological, psikososial, ergonomik.

3.7 'Risiko' ertinya kebarangkalian bagi sesuatu hazard untuk menyebabkan kemudaratan.

4. Tujuan Laporan

4.1 Tujuan membuat laporan:

- i) Keperluan mematuhi perundangan iaitu OSHA 1994 (Seksyen 32) dan Peraturan-peraturan KKP Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan 2004 (NADOPOD).
- ii) Membantu dalam mengenal pasti faktor penyebab kejadian (*root cause*) tersebut supaya tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan segera.
- iii) Memastikan proses penyiasatan menyeluruh dijalankan seterusnya mengelakkan kejadian yang sama berulang.
- iv) Menjadi dokumen sokongan supaya mangsa dapat menuntut insurans, ex-gratia, SOCSO dll.
- v) Membolehkan pengurusan UMT mengumpul data dan mengkaji trend kemalangan di UMT.

5.1 Format Pelaporan

5.1 Laporan kemalangan, kemalangan nyaris, keracunan pekerjaan, penyakit pekerjaan atau kejadian/insiden merbahaya di tempat kerja mestilah menggunakan **Borang UMT/MB/M/203**.

- i) Maklumat Pelapor ;
Pelapor adalah staf PTJ tempat kejadian. Sebaiknya pelapor adalah ahli JKPP PTJ berkaitan.
- ii) Maklumat Insiden/kejadian;
Jenis insiden/kejadian, nama mangsa, IC/Kad matriks, tempat spesifik kejadian, akibat kejadian. Keterangan ringkas kejadian tersebut. Maklumat saksi yang dirujuk (seorang atau lebih saksi).
- iii) Langkah Kawalan Sebelum Kejadian;
Tindakan pencegahan untuk membendung kejadian tersebut berlaku. Dirujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab menyelia kerja/aktiviti tersebut.

- iv) Perakuan Pengerusi JKKP PTJ;
Tandatangan Pengerusi JKKP PTJ berkaitan untuk memperakukan laporan adalah benar.
 - v) Pengesahan Pengerusi JKKP dan disahkan;
Ulasan SHO untuk mencadangkan keperluan penyiasat berdasarkan keterukan/impak kejadian. Memerlukan pengesahan Pengerusi JKKP Induk UMT.
- 5.2 Satu salinan laporan hendaklah dihantar kepada Urusetia, JKKP Induk UMT, d/a Pejabat Pendaftar dalam tempoh 5 hari selepas kejadian.
- 5.3 Urusetia bertanggungjawab mengisi dan menghantar borang JKKP 6 /JKKP 7 kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Terengganu.

6. Peranan JKKP PTJ Dalam Pencegahan Kemalangan Di Tempat Kerja

- 6.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (dalam Seksyen 15) jelas menyatakan kewajipan majikan dan setiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan setakat yang praktik (*as far as practicable*), kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua pekerja semasa bekerja.
- 6.2 Peranan JKKP PTJ adalah penting dalam membendung kemalangan. Sehubungan itu JKKP PTJ diharapkan memainkan peranan berikut:
- i) Bekerjasama melaksanakan dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan UMT yang merupakan pernyataan bertulis mengenai komitmen dan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
 - ii) Menubuh dan memainkan peranan JKKP di peringkat PTJ dengan sewajarnya.
 - iii) Menyediakan maklumat, arahan dan penyeliaan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, pelajar dan penghuni lain terjamin.
 - iv) Menyedia dan menyelenggara tempat dan sistem kerja supaya selamat dan sihat kepada pengguna dan orang sekeliling.
 - v) Pengaturan, penggunaan, pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan bahan-bahan secara selamat.
 - vi) Mengadakan penilaian risiko hazard (*hazard risk assessment*) terhadap penggunaan bahan berbahaya supaya risiko kemalangan dapat dikawal.
 - vii) Mengadakan latihan KKP yang bersesuaian kepada staf dan pelajar dari masa ke semasa.
 - viii) Melaporkan kejadian kemalangan dan penyakit pekerjaan kepada pihak yang berkaitan.

- ix) Menyediakan dan menyelenggara rekod-rekod berkaitan KKP mengikut perundangan.
- x) Membekalkan kelengkapan atau pakaian perlindungan peribadi (PPE) yang sesuai dan berkesan dengan kerja yang dilaksanakan.

7. Peranan Staf UMT Dalam Pencegahan Kemalangan Di Tempat Kerja

7.1 Setiap staf UMT perlu memberi perhatian yang munasabah bagi menjaga keselamatan dirinya dan orang lain semasa bekerja di UMT. Peranan yang perlu dimainkan staf UMT ialah seperti berikut:

- i) Sentiasa bekerjasama dan mematuhi arahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- ii) Menggunakan kelengkapan atau pakaian perlindungan peribadi atau apa-apa kelengkapan yang dibekalkan semasa bekerja.
- iii) Memberi perhatian yang munasabah tentang keselamatan diri dan orang sekeliling yang terjejas disebabkan kerja yang dilakukan atau ditinggalkan.

8. Penyiasatan Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Insiden Merbahaya, Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan

8.1 Siasatan kemalangan, kemalangan nyaris dan kejadian merbahaya membolehkan kita memahami bagaimana kemalangan tersebut berlaku dan mengelak kemalangan berulang.

8.2 Siasatan dalaman secara menyeluruh akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Menyiasat yang dilantik oleh Pengerusi JKPP Induk UMT.

8.3 Tujuan menyiasat kemalangan :

- i) Menepati kehendak undang-undang. Mengenal pasti mekanisma dan penyebab berlakunya kemalangan.
- ii) Mengenal pasti hazard di tempat kerja.
- iii) Memperkenalkan kaedah yang khusus bagi mencegah berulangnya kemalangan yang sama.
- iv) Mengenal pasti keperluan latihan/pendidikan di kalangan pekerja.